



KERJASAMA INDUSTRI TERUS DIMANTAPKAN DI UTeM

AHLI PANEL PENASIHAT INDUSTRI YANG BERKALIBER

12 Februari 2010 - Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) terus memantapkan kerjasamanya bersama pihak industri dengan berlangsungnya Mesyuarat Panel Penasihat Industri bertempat di Dewan Mesyuarat Senat, Bangunan Canselori, Kampus Induk Durian Tunggal.

Mesyuarat telah dihadiri oleh pihak pengurusan universiti serta ahli-ahli Panel Penasihat Industri (Industry Advisory Panel-IAP) yang terdiri daripada enam individu yang mempunyai portfolio penting di dalam industri.

Mereka adalah Penasihat Eksekutif Kanan, Digital Process Ltd, Kanagawa Jepun, Encik Toshiaki Mase, Tan Sri Datuk Mustafa Mansur, Presiden Persatuan Pengilang-Pengilang Malaysia, Puan Yasmin bt. Mahmood, Pengarah Eksekutif YTL Communication Sdn. Bhd., YM Tengku Azizan bt. Tengku Ahmad, Pengurus Besar, Proton Holding Berhad, dan Dr. Dzaharudin bin Mansor, Pegawai Teknologi Kebangsaan Microsoft Malaysia Sdn. Bhd.

Panel Penasihat Industri merupakan sebuah panel yang dilantik oleh Lembaga Pengarah Universiti (LPU) dan berfungsi sebagai sebuah badan yang akan menasihati Universiti dalam perkara-perkara yang melibatkan perhubungan kerjasama dengan pihak industri dan berkongsi kepakaran.

Panel penasihat industri ini terdiri daripada pemimpin-pemimpin industri dan wakil UTeM daripada pelbagai latar belakang serta kepakaran yang akan terlibat secara aktif ke arah membangunkan dan mempromosi program-program akademik universiti, staf dan pelajar. Ini juga merupakan jambatan penghubung antara UTeM dengan industri untuk memastikan pendidikan, pengetahuan dan pengalaman graduan yang dihasilkan melebihi keperluan dan jangkaan industri.

Fasa pengantara yang menghubungkan industri dengan UTeM dan mempunyai objektif untuk memaksimumkan kesejajaran ('alignment') hala tuju UTeM dengan keperluan industri.

Selain itu, ahli-ahli IAP berperanan membantu mempromosikan program-program dan aktiviti UTeM kepada pihak awam melalui pameran, seminar dan syarahan awam. Mereka juga turut memberikan galakan pembangunan profesional staf akademik dengan cara membantu aktiviti dan peluang sangkut industri dan menaja program sabatikal.

Ahli IAP juga berperanan mewujudkan projek penyelidikan kolaboratif antara kakitangan fakulti dan industri melalui rangkaian, inisiatif perkongsian, promosi dan pembiayaan serta membantu dalam penempatan dan peluang pekerjaan pelajar secara separuh masa atau sepenuh masa dan semasa latihan industri.

Selepas mesyuarat, ahli-ahli IAP ini juga telah dibawa melawat pameran hasil-hasil produk penyelidikan yang telah dihasilkan oleh pensyarah-pensyarah UTeM di lobi Bangunan Canselori dan juga melawat fakulti-fakulti yang ada di UTeM.

Pada masa yang sama juga beberapa ahli panel IAP ini telah memberikan ceramah dan mengadakan sesi dialog bersama pensyarah-pensyarah bagi berkongsi pengalaman dan mencurahkan idea dari sudut industri dengan ahli akademik.

Mesyuarat IAP ini merupakan satu platform bagi universiti untuk melangkah dengan lebih jauh dalam pembangunan modal insan berpengetahuan tinggi dalam bidang kejuruteraan dan teknikal. Industri kini yang semakin membangun memerlukan modal insan yang berkredibiliti dan efisien dalam bidang mereka.

Oleh itu, langkah UTeM melibatkan pihak industri dalam bidang akademik dan penyelidikan yang dijalankan akan memberikan impak yang besar bagi memantapkan peranan UTeM sebagai sebuah universiti teknikal.



87516173

AHLI IAP DIRAIKAN DALAM

Majlis Makan Malam



11 Februari 2010 – Satu majlis makan malam telah berlangsung di Hotel Renaissance Melaka bagi meraikan ahli Panel Penasihat Industri (Industry Advisory Panel – IAP) yang berkumpul bagi menghadiri Mesyuarat IAP pada keesokan harinya

Majlis ini telah dihadiri oleh Naib Canselor UTeM, Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff Hassan dan pegawai-pegawai kanan universiti. Turut hadir Pengerusi Jawatankuasa Negeri Perindustrian, Perdagangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi Datuk Md. Yunus bin Hussin.

Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff dalam ucapannya berkata, UTeM amat berbesar hati menerima kehadiran pakar-pakar pelbagai bidang dalam industri ini yang sudi berkongsi idea dan pengalaman demi memantapkan kedudukan UTeM dalam menghasilkan graduan yang berkemampuan tinggi serta dalam menghasilkan penyelidikan yang berkualiti selaras dengan misi universiti.

Beliau berharap dengan jalinan universiti dan industri yang strategik ini akan meningkatkan peranan UTeM sebagai sebuah universiti teknikal yang akan memberi sumbangan besar dalam penghasilan modal insan negara.

Majlis makan malam ini diserikan dengan persembahan nyanyian dan diakhiri dengan acara penyerahan cenderahati kepada para tetamu jemputan.



PENSTRUKTURAN SEMULA UTeM ke Arah PEMBANGUNAN LESTARI

Y.Bhg. Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff Bin Hassan semasa menyampaikan Perutusan Naib Canselor 2010 mengumumkan beberapa penstrukturan semula UTeM bagi memperkemas dan memperkasakan jentera pentadbiran universiti.

Penstrukturan semula menyaksikan beberapa penambahbaikan serta penggabungan Pusat Tanggungjawab (PTj) dan bahagian-bahagian. Pusat Sukan dan Pusat Islam yang dahulunya bernaung di Canselori masing-masing telah dinaiktarafkan menjadi sebuah PTj.

Sementara itu, beberapa pejabat baru ditubuhkan di Canselori iaitu Pejabat Antarabangsa dan Pejabat Perancangan & Pembangunan Akademik yang dahulunya dikenali sebagai Bahagian Pembangunan Akademik dan Antarabangsa (BPAA). Bahagian Perhubungan Awam & Korporat (BPAK) turut distrukturkan semula menjadi Pejabat Perancangan & Komunikasi Korporat (PPKK) di Canselori. Bahagian Khidmat Pengurusan, Canselori pula kini dikenali sebagai Pejabat Khidmat Pengurusan.

Hasrat universiti untuk memantapkan bidang penyelidikan semakin jelas apabila Pusat Pengurusan Penyelidikan & Inovasi (CRIM) menyertai Canselori. Turut terlibat ialah Bahagian Perundangan yang bernaung di Pejabat Pendaftar dinaiktarafkan menjadi Pejabat Hal Ehwal Perundangan dan diletakkan di Canselori.

Antara bahagian lain yang terlibat ialah Bahagian Kesejahteraan Personel (BKPs) kini bernaung di Pejabat Pendaftar. Bahagian Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan telah menjadi Pejabat Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan. Manakala Pejabat Pembangunan dan Pengurusan Aset (PPPA) telah ditukar nama kepada Pejabat Pembangunan.

Penstrukturan semula turut menyaksikan beberapa pelantikan baru di peringkat pengurusan universiti. Engr. Prof. Dr. Marizan Bin Sulaiman kini memegang jawatan sebagai Dekan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) manakala Prof. Madya Dr. Zulkiflie bin Ibrahim dilantik menjadi Dekan Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE).



ENGR. PROF. DR. MARIZAN BIN SULAIMAN
Dekan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni



PROF. MADYA DR. ZULKIFILIE BIN IBRAHIM
Dekan Fakulti Kejuruteraan Elektrik



DR. IZAIDIN BIN ABDUL MAJID
Pengaruh
Pusat Pembelajaran Berterusan



ENCIK RADZUAN BIN NORDIN
Pengaruh Pusat Islam

Selain itu, Dr. Izaidin Bin Abdul Majid telah dilantik sebagai Pengarah di Pusat Pembelajaran Berterusan (PPB) dan Encik Radzuan Bin Nordin dilantik sebagai Pengarah Pusat Islam.

Pengurusan universiti turut melantik Prof. Madya Chong Kuan Eng sebagai Pegawai Khas di Pusat Jaringan Industri dan Komuniti (ICNeT), Dr. Azizah Binti Shaaban sebagai Pegawai Khas di Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (CRIM), Prof. Dr. Nana Suryana Herman, Pegawai Khas di Pejabat Antarabangsa, Canselori dan Dr. Jariah Binti Mohamad Juoi, Pegawai Khas di Pejabat Perancangan dan Pembangunan Akademik, Canselori.

Semoga dengan penstrukturan semula ini menjadikan hala tuju UTeM lebih jelas dan akan memberi manfaat bagi merealisasikan Pelan Strategik 2009-2010 selaras dengan hasrat Kementerian Pengajian Tinggi dalam Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara.



Editor BERITA@UTeM

KETUA EDITOR :

Prof. Madya Mohd Rahimi Bin Yusoff

PENOLONG KETUA EDITOR :

Faradila Binti Md. Yusoff

WARTAWAN :

Ruzaiman Bin Abdul Rahman
Bob Faizeli Bin Mohamed Din

REKA BENTUK GRAFIK :

Aziza Binti Md Buang
Suria Binti Abdul Rahman

JURUFOTO :

Md. Nor Bin Mohamad Saleh
Nurulidayu Binti Talib
Mohd Farid Bin Supangi
Asri Bin Abu

PENGEDARAN :

Al Rohaiya Binti Adanan

URUS SETIA :

Azlinah Binti Ajis
Nor'Emylia Binti Mohamed

Apa pandangan anda mengenai BERITA@UTeM? Hantarkan pandangan / cadangan / sumbangan bahan anda melalui e-mail ke berita@utem.edu.my

Perpustakaan Universiti Teknikal Malaysia Melaka
No. Perolehan: 87516173
No. Panggilan: 173
Tarikh: 16 DEC 2010

Hak Cipta Terpelihara
Pejabat Perancangan Dan Komunikasi Korporat, Canselori
Universiti Teknikal Malaysia Melaka
Karung Berkunci No. 1752
Pejabat Pos Durian Tunggal
76109 Durian Tunggal, Melaka
Tel : +606 331 6248 / 6249
Faks : +606 331 6247



MESYUARAT KHAS TIMBALAN NAIB CANSOLOR (PENYELIDIKAN & INOVASI) MTUN

18 Februari 2010 – Satu mesyuarat khas bersama Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) Jaringan Universiti Teknikal Malaysia (MTUN) telah diadakan di UTeM baru-baru ini. Mesyuarat ini membincangkan tugas dan pelaksanaan Malaysian Technical University Conference on Engineering & Technology 2010 (MUCET 2010) yang dijadualkan akan berlangsung pada 28 hingga 29 Jun nanti. Penganjuran pada tahun ini menyaksikan UTeM sebagai tuan rumah bagi persidangan yang menghimpunkan ahli-ahli akademik muda daripada pelbagai bidang.

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) UTeM, Prof. Dr. Mohamad Kadim Bin Suaidi hadir untuk membincangkan pelan pelaksanaan MUCET 2010. Perkara yang dibincangkan antara lain menyentuh penyertaan yang dibuka untuk pensyarah-pensyarah daripada politeknik terpilih dan sesi ucapan utama yang bakal disampaikan oleh tokoh-tokoh terkemuka tanah air.

Terdahulu, mesyuarat ini membincangkan penyerahan tugas yang disandang oleh Universiti Malaysia Pahang (UMP) selaku tuan rumah persidangan pada tahun lepas. Antara yang hadir ke mesyuarat ini ialah Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal, Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), Prof. Dato' Dr. Rosli Bin Mohd Yunus dan Prof. Ir. Dr. Jailani Bin Salihon dari Universiti Malaysia Pahang (UMP).

SESI RAMAH MESRA TNC (P&I) bersama STAF AKADEMIK



Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) Prof. Dr. Mohamad Kadim Bin Suaidi yang baru dilantik pada bulan Januari lepas telah mengadakan 'Program Jelajah Fakulti' bertemu dengan staf akademik dalam sesi ramah mesra yang dianjurkan baru-baru ini.

Sesi ramah mesra yang diadakan merupakan platform bagi Prof. Dr. Kadim menerangkan dengan terperinci misi dan objektif yang perlu dicapai oleh staf akademik terutama sekali dalam bidang penyelidikan dan inovasi.

Beliau turut mengambil kesempatan untuk mendapatkan maklum balas secara langsung serta melihat perkembangan aktiviti penyelidikan yang dijalankan di fakulti-fakulti yang dilawati beliau melalui sesi soal jawab yang diadakan.

Sepanjang bulan ini, Prof. Dr. Kadim telah selesai melawat Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM), Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP), Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer (FKEKK) dan Fakulti Pengurusan Teknologi dan Teknousahawanan (FPTT). Mengikut jadual, beliau akan melawat Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi (FTMK), Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE) dan Pusat Bahasa dan Pembangunan Insaniah (PBPI) pada bulan Mac nanti.



MAJLIS PENYERAHAN WATIKAH PELANTIKAN MPP sesi 2009/10

3 Februari : Bertempat di Auditorium Bangunan Canselori, telah berlangsung Majlis Penyerahan Watikah Pelantikan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) sesi 2009/10 yang disempurnakan oleh Y.Bhg. Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff bin Hassan, Naib Canselor UTeM.

Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff mengucapkan tahniah kepada barisan kepimpinan MPP yang baru di atas kejayaan meraih kepercayaan komuniti pelajar mewakili suara mereka. Beliau berharap agar kepercayaan yang diberikan digunakan dengan sebaiknya agar memberikan manfaat kepada pelajar dan universiti. Beliau kemudiannya menyerahkan watikah pelantikan kepada semua ahli jawatankuasa MPP yang baru dilantik.

Majlis yang ringkas tetapi penuh bermakna itu disempurnakan dengan upacara mengangkat sumpah yang diketuai oleh Yang Dipertua MPP, Ahmad Ibrahim Bin Yazirruddin di hadapan Pegawai-pegawai Kanan universiti yang turut hadir iaitu Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) Dato' Prof. Dr. Mohd Nor Bin Husain, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) Prof. Dr. Mohamad Kadim Bin Suaidi dan Dekan HEPA Prof. Dr. Hj. Zolkepli Bin Buang serta Dekan-dekan fakulti.





ICEI 2010

JADI

PERTEMUAN PAKAR KEJURUTERAAN DAN ICT

18 Februari 2010 - Persidangan Antarabangsa Kejuruteraan dan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (The 2nd International Conference on Engineering and ICT- ICEI 2010) yang telah berlangsung selama tiga bermula pada 18 hingga 20 Februari 2010 menjadi medan pertemuan pakar dalam bidang kejuruteraan dan ICT dari dalam dan luar Negara.

ICEI yang telah berlangsung di Hotel Holiday Inn Banda Hilir, Melaka telah dianjurkan oleh Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE), Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM). Majlis perasmian telah diadakan pada hari pertama persidangan oleh Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti, Datuk Dr. Taib bin Hashim yang mewakili Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled bin Nordin. Turut hadir, Naib Canselor UTeM, Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff bin Hassan serta pegawai-pegawai kanan universiti selain para peserta persidangan.

Datuk Seri Mohamed Khalid dalam teks ucapan perasmian menyampaikan ucapan tahniah kepada UTeM kerana berjaya menganjurkan ICEI 2010 ini. Beliau berharap ini akan menjadi pemangkin kepada aktiviti penyelidikan yang semakin rancak kerana ia akan mendorong kemajuan negara dan sekali gus akan mengharumkan nama negara di peringkat global.

Menurut Naib Canselor UTeM, penganjuran ICEI 2010 ini adalah salah satu usaha UTeM untuk mencapai visi dan misi universiti melalui bidang penyelidikan yang bersandarkan kepada tujuh teras bidang penyelidikan bertemakan Teknologi Pembuatan Termaju.

“Dalam menjayakan sasaran negara untuk melahirkan modal insan kelas pertama dan masyarakat saintifik bagi menjadi sebuah negara berpendapatan tinggi, persidangan bertaraf antarabangsa sebegini dapat memberikan suntikan yang positif terhadap pembangunan bidang penyelidikan terutamanya dalam bidang kejuruteraan dan ICT,” kata beliau.

Tambahnya lagi, “Objektif penganjuran persidangan ini adalah untuk menjadi medan pertemuan bagi pakar dalam bidang kejuruteraan dan ICT bagi mengembangkan idea dan kemahiran mereka agar boleh dimanfaatkan bersama.”

Pengerusi Pengerusi Pelaksana ICEI 2010, Prof. Dr. Marizan bin Sulaiman yang juga Dekan Fakulti Kejuruteraan Elektrik pula berkata persidangan ini akan berlangsung dalam 20 sesi oral melibatkan lima sesi sejajar. Sebanyak 180 kertas kerja telah dibentangkan dalam persidangan ini dan ia akan dimasukkan dalam Journal of Advanced Manufacturing Journal yang akan diterbitkan tidak lama lagi.

Hampir 220 peserta dari dalam dan luar Negara menghadiri persidangan ini yang bertemakan ‘Powering Technology through Sustainable Development’. Antara peserta ialah dari Cameroon, Jepun, Indonesia, Pakistan, India, Brunei, New Zealand, Qatar, Libya, German, Amerika Syarikat, Iraq, Bangladesh yang terdiri dari ahli-ahli akademik, wakil-wakil industri, penuntut pengajian tinggi dan pakar-pakar dalam bidang kejuruteraan dan teknologi maklumat dan komunikasi.

Para peserta juga telah dibawa melawat ke sekitar bandaraya Melaka sebagai salah satu acara semasa persidangan selain acara makan malam yang telah berlangsung pada sebelah malam hari pertama persidangan berlangsung.

Semoga dengan berlangsungnya persidangan seumpama ini diharap dapat mengeratkan lagi hubungan dan mewujudkan peluang-peluang baru antara ahli akademik dalam universiti dengan para penyelidik dari dalam dan luar negara.



NAIB CANSOLOR UTeM ADAKAN KUNJUNGAN HORMAT KE PEJABAT TUN CANSOLOR



2 Februari 2010 - Naib Canselor Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff bin Hassan telah membuat kunjungan hormat ke atas Tuan Yang Terutama Yang DiPertua Negeri Melaka, Tun Mohd. Khalil bin Yaakop yang juga merupakan Canselor UTeM di Pejabat TYT. Turut serta ialah Datuk Prof. Dr. Mohd. Nor bin Husain, Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Prof. Dr. Mohamad Kadim bin Suaidi, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) dan Encik Hassan bin Sirun, Pendaftar UTeM.

Tujuan pegawai tertinggi UTeM membuat kunjungan hormat ini ialah untuk membentangkan perkembangan terkini UTeM serta memaklumkan perancangan bagi tahun 2010 melalui perutusan tahunan Naib Canselor yang bertemakan 'Inovasi Pemacu Kegemilangan Pembangunan Lestari'. Selain itu juga, kunjungan ini diadakan bagi memperkenalkan Prof. Dr. Mohamad Kadim b. Suaidi sebagai Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) yang baru dilantik pada 15 Januari lalu.

Naib Canselor juga turut menghadihkan bingkai bergambar serta album sempena Majlis Konvokesyen ke 5 UTeM Oktober tahun lalu sebagai tanda kenang-kenangan kepada Tun Canselor. Selain itu, sebuah buku bertajuk "Seribu Kenang Sempena Majlis Konvokesyen Ke-5" yang menghimpunkan gambar-gambar penting semasa Majlis Konvokesyen ke-5 UTeM juga turut dihadihkan kepada Tun Canselor.

SEMINAR OLEH PAKAR *dari* JAPAN ADVANCED INSTITUTE OF SCIENCE AND TECHNOLOGY (JAIST)




23 Februari 2010 –Tiga orang profesor dari Japan Advanced Institute Of Science And Technology (JAIST) telah melawat Kampus Induk UTeM hari ini dan mengadakan satu seminar berkaitan kejuruteraan dan teknologi.

Delegasi dari Jepun ini telah dianggotai oleh Prof. Akio Makishima, Prof. Toshifumi Tsukahara dan Prof. Tanaka telah membentangkan kertas kerja masing-masing kepada pelajar dan ahli akademik UTeM di Auditorium UTeM. Seminar yang bermula pada jam 2.30 petang ini turut dihadiri oleh Dekan Fakulti Kejuruteraan Pembuatan, Dr. Rizal Salleh.

Negara Jepun memang telah dikenali sebagai sebuah negara maju yang mempunyai pelbagai teknologi moden dan berinovasi. Selaras dengan itu JAIST ini telah ditubuhkan bagi memberikan pendidikan dan medium bagi pembangunan teknologi dan ilmu sains bagi pelajar pasca siswazah di sana.

Banyak manfaat yang telah diperolehi peserta seminar ini memandangkan para pembentang kertas kerja adalah mereka yang mempunyai pengalaman yang luas dan pakar dalam bidang teknologi.

UTeM JALINKAN HUBUNGAN *dengan* INSTITUT AERONAUTIK DAN ANGKASA PERANCIS (IAS)



3 Feb 2010 - Jalinan kerjasama bersama institusi antarabangsa diteruskan lagi bagi memantapkan UTeM sebagai universiti tersohor di negara ini. Kali ini UTeM menerima kunjungan delegasi dari Institut Aeronautique et Spatial (IAS) Perancis untuk membincangkan peluang kerjasama antara kedua-dua pihak.

IAS yang berpangkalan di Toulouse, Perancis merupakan sebuah institut yang mengendalikan program-program kerjasama melalui rakan strategik industri aeroangkasa di Eropah. Ditubuhkan pada tahun 1980, IAS kini mempunyai hubungan erat dengan pelbagai institusi dan syarikat-aeroangkasa di seluruh dunia.

IAS yang diwakili Pengurus Projek Antarabangsa, Monia Zaki dan Ketua Jabatan Pendidikan Antarabangsa, Valerie Barthe telah disambut oleh Ketua Penolong Pendaftar, Bahagian Pembangunan Akademik dan Antarabangsa UTeM, Sharifah Nurul Faridah Bt Syed Abu Bakar.

Perbincangan mengenai peluang kerjasama antara UTeM dan IAS telah dipengerusikan oleh Prof. Dr. Md. Razali bin Ayub, Dekan Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM). Pelbagai aspek dibincangkan merangkumi program-program peringkat sarjana dan PhD dalam bidang kejuruteraan aeronautik dan pengurusan serta perancangan untuk menjalinkan kerjasama penyelidikan.

Lawatan **UNIVERSITY GANNON USA** BUKA PELUANG BARU

4 Februari 2010 – Aktiviti pengantarabangsaan merupakan salah satu agenda penting dalam pembangunan universiti selaras dengan hasrat Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) yang ingin universiti awam di Malaysia mengorak langkah menjadi lebih global.

Sejajar dengan itu, satu delegasi daripada Gannon University USA telah mengadakan satu lawatan ke Kampus Induk UTeM hari ini dengan hasrat untuk berkongsi pengetahuan dan melihat kemungkinan peluang baru bagi mewujudkan kerjasama dalam penyelidikan dan program akademik.

Para delegasi lawatan ini telah disambut oleh Dekan Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi, Prof. Dr. Shahrin bin Sahib @ Sahibudin serta para pensyarah UTeM. Delegasi ini telah diberikan taklimat ringkas mengenai universiti serta telah berpeluang mengadakan sesi dialog bersama ahli akademik bagi membincangkan pelbagai isu dan pengetahuan dalam pelbagai bidang terutamanya bidang teknologi maklumat dan komunikasi.



TAKLIMAT PELAKSANAAN BALANCE SCORE CARD DI UTeM



11 Februari 2010 – Susulan daripada Perutusan Naib Canselor 2010 yang mengumumkan mengenai pelaksanaan Balance Score Card bagi mengukur prestasi pencapaian Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM), satu taklimat pelaksanaan telah diadakan pada hari ini.

Naib Canselor UTeM, Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff bin Hassan telah meluangkan masa untuk mempengerusikan taklimat ini yang disampaikan oleh penasihat berpengalaman dalam melaksanakan Balance Score Card (BSC) di pelbagai organisasi.

Menurut Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff, pelaksanaan BSC di UTeM amat penting kerana ia adalah satu kaedah bagi mengukur prestasi setiap pihak bagi merealisasikan Pelan Strategik UTeM 2009-2010 yang telah digubal sebelum ini.

Dengan kaedah BSC ini semua pihak akan dapat melihat sejauh mana keberkesanan pendekatan yang telah dilakukan bagi mencapai setiap objektif dalam Pelan Strategik UTeM 2009-2010, tambah beliau lagi.

Taklimat diadakan bermula jam 9.00 pagi dan berakhir kira-kira jam 5.00 petang yang turut dihadiri oleh beberapa orang pegawai kanan universiti.

REGU UTeM SAPU BERSIH DI KEJOHANAN SEPAK TAKRAW EMPAT PENJURU UTM

2 Mac 2010 - Pasukan Regu kakitangan Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah menyapu bersih kemenangan di Kejohanan Sepak Takraw Antara 4 Penjuru yang berlangsung di Kompleks Sukan, Univesiti Teknologi Malaysia (UTM), Skudai Johor. Kejohanan anjuran UTM ini melibatkan empat buah universiti iaitu Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM), Universiti Teknologi Mara (UiTM) dan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM).

Menurut Pengurus Sepak Takraw UTeM Ahmad Zaki Hj. Abdullah, kejohanan ini disertai oleh 21 regu terdiri daripada staf dan pelajar universiti yang terlibat. UTeM telah menghantar sebanyak tiga regu pelajar dan dua regu staf.

Pasukan regu UTeM yang diwakili oleh Ahmad Affenday Mohamed Sani, Norhaizat Ramli dan Zarlizan Zakaria telah menjadi Johan Keseluruhan Kejohanan. Ahmad Affenday Mohamed Sani telah mendapat Tekong Terbaik Kejohanan, Norhaizat Ramli mendapat Apit Kanan Terbaik Kejohanan dan Mohd Zarlizan Zakaria mendapat Apit Kiri Terbaik Kejohanan. Manakala Regu UTeM Pelajar A telah berjaya menduduki tangga ke-3 didalam kejohanan ini.

Katanya lagi semua pelajar dan staf terlibat telah memberikan semangat, komitmen dan disiplin yang sangat tinggi disepanjang kejohanan ini berlangsung. Ini memberikan nafas baru dalam perjuangan Pasukan Sepak Takraw UTeM dalam Kejohanan Sukan Staf Malaysia yang bakal diadakan pada bulan Jun 2010 bertempat di Universiti Sains Malaysia (USM), Pulau Pinang.

UTeM MERAIKAN *Maulidul Rasul* 1431H



25 Februari 2010 - Pusat Islam Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) dengan kerjasama PUSPANITA UTeM telah menganjurkan Majlis Muhadharah Maulidul Rasul peringkat universiti di Auditorium UTeM, Kampus Induk, Durian Tunggal semalam dengan bertemakan 'Memantapkan Ukhuwah Memperkasa Ummah'.

Seramai hampir 200 kakitangan dan pelajar telah turut serta di dalam majlis yang diadakan pada setiap tahun ini. Majlis dimanfaatkan dengan sesi ceramah oleh Sheikh Muhammad Fuad Al Maliki seorang penceramah bebas dengan tajuk " Taati Allah, Cintai Rasulullah".

Majlis dihadiri oleh Naib Canselor UTeM, Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff b. Hassan serta pegawai-pegawai kanan universiti. Turut hadir Pengerusi PUSPANITA UTeM, Datin Sara binti Ayob dan juga kehadiran ahli-ahli PUSPANITA Negeri Melaka.

Pada keesokan harinya UTeM telah menghantar satu kontinjen untuk menyertai Perarakan Maulidur Rasul 1431H peringkat negeri Melaka. Perarakan ini bermula dari Stadium Tun Fatimah, Bukit Serindit dan berakhir di Masjid Al Azim yang disertai oleh pelbagai pertubuhan dan organisasi dari seluruh negeri Melaka.

Aktiviti-aktiviti seumpama ini memberikan manfaat kepada umat Islam bagi mengingati junjungan besar Nabi Muhammad SAW yang dicintai. Semoga lebih banyak lagi program sebegini yang akan dilaksanakan bagi melahirkan insan yang sempurna sahsiah dan rohani.



KURSUS INDUKSI UMUM BIL 1/2010

bentuk SEMANGAT KERJA BERPASUKAN

18 – 27 Februari 2010: Unit Pengesahan Perkhidmatan, Bahagian Pembangunan Sumber Manusia (BPSM) telah menganjurkan Kursus Induksi Umum Kumpulan Sokongan Bil 1/2010 bertempat di Bayu Beach Resort, Port Dickson. Seramai 33 orang peserta yang terdiri daripada kakitangan sokongan pelbagai jabatan telah menghadiri kursus ini.

Y.Bhg. Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff Bin Hassan, Naib Canselor UTeM telah merasmikan kursus tersebut. Hadir sama semasa majlis perasmian ialah Prof. Dr. Mohd Kadim Bin Suaidi, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) dan En. Khairul Bin Taib, Bendahari UTeM.

Sepanjang tempoh kursus selama 10 hari dijalankan, peserta telah didedahkan dengan pelbagai aspek dalam perkhidmatan awam serta aktiviti luar yang bertujuan untuk memupuk semangat kerja berpasukan yang kental pada setiap peserta.

Pada malam terakhir kursus, majlis makan malam telah diadakan. Bertemakan nilai-nilai Islam sempena sambutan Maulidur Rasul, peserta telah mempersembahkan nasyid, puisi dan drama pada malam tersebut.



UTeM

Kelahiran


Nama Staf : Mohd Hanafi Bin Hassan
 PTj : Pusat Komputer
 Nama Anak : Nurhumaira Qurratulaini Binti Mohd Hanafi
 Tarikh Lahir : 10 Februari 2010

Nama Staf : Farudin Hanif Bin Ya'amah
 PTj : Pusat Pembelajaran Berterusan (PPB)
 Nama Anak : Nabihah Nazlah Binti Farudin Hanif
 Tarikh Lahir : 8 Februari 2010

Nama Staf : Mohd Ridzuan Bin Jamaludin
 PTj : FTMK
 Nama Anak : Amirul Asyraf Bin Mohd Ridzuan
 Tarikh Lahir : 6 Februari 2010

Nama Staf : Nor Aini Binti Ismail
 PTj : FTMK
 Nama Anak : Nor Afiqah Binti Asri
 Tarikh Lahir : 22 Februari 2010

Nama Staf : Nor Hafizah Binti Hamyadi
 PTj : FTMK
 Nama Anak : Afif Hisyam Bin Azlan
 Tarikh Lahir : 22 Februari 2010



BAS PANORAMA MEMBERI PERKHIDMATAN KEPADA STAF DAN PELAJAR UTeM

9 Februari 2010 - Bas Panorama milik PM Cultural & Tourism Sdn. Bhd. telah memulakan perkhidmatan memasuki kampus Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) pada hari ini bagi memudahkan urusan perjalanan staf dan pelajar ke kawasan sekitar serta orang awam bagi membuat urusan di dalam kampus UTeM

Bas tersebut memulakan perjalanan dari Melaka Sentral mulai jam 6.30 pagi akan beberapa kawasan sebelum singgah di Kampus Induk UTeM yang telah beroperasi sepenuhnya pada tahun 2009. Bas tersebut dijangka akan melalui UTeM pada jam 7.33 pagi, 9.33 pagi, 11.33 pagi, 3.33 petang, 5.33 petang dan 7.33 malam. Buat permulaan perkhidmatan bas panorama ke UTeM ini hanya akan di adakan dari hari Isnin hingga Jumaat sahaja.

Perkhidmatan bas Panorama ini dijangka memberi peluang yang lebih kepada masyarakat untuk melihat dengan lebih dekat Kampus Induk UTeM yang terletak di Hang Tuah Jaya, Melaka selain memberikan kemudahan lebih fleksibel keluar dan masuk kampus untuk para pelajar dan pelawat.



Perkahwinan

Berita@UTeM mengambil kesempatan untuk mengucapkan selamat pengantin baru kepada **Nor Azlan Bin Mohd Aris (FKEKK)** bersama pasangannya **Alia Sofie Binti Jemale** selamat diijabkabulkan pada **14 Februari 2010**.

Personaliti Pilihan



MUHAMMAD SHUHAIMI BIN ABU BAKAR PEMBANTU PEGAWAI TADBIR KANAN

Beliau menyertai UTeM pada 1 Ogos 2001 di Pejabat Hal Ehwal Pelajar. Kemudian beliau bertugas di Unit Kemasukan dan Rekod Pelajar, Bahagian Pengurusan Akademik (BPA). Terlibat secara langsung dalam mempromosikan UTeM di kalangan pelajar sekolah dan kolej terutama sekali pameran 'Jom Masuk U!' anjuran Kementerian Pengajian Tinggi. Bertugas di BPA menuntut beliau untuk menjelajah ke seluruh pelosok negara bagi mempromosikan UTeM. Selain itu, Shuhaimi turut terlibat semasa pendaftaran pelajar baru serta terlibat dalam Mesyuarat Pengambilan yang diselaraskan oleh Bahagian Pengurusan Kemasukan Pelajar (BPKP), Jabatan Pengajian Tinggi. Shuhaimi yang sentiasa ceria gemar berkongsi pengalaman beliau ketika mempromosikan UTeM bersama rakan-rakan sepejabat bagi menambah idea untuk meningkatkan kualiti penyampaian ketika di tapak pameran.



NURAIIDA BINTI ISMAIL PEMBANTU TADBIR KESETIAUSAHAAN

Mula berkhidmat sebagai Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan) pada bulan Mei 2001 dan ditempatkan di Fakulti Kejuruteraan Elektronik & Kejuruteraan Komputer (FKEKK) sehingga tahun 2008. Pernah bertugas di Pejabat Pembangunan dan kini beliau bertugas di Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi). Nuraida merupakan seorang yang bertanggungjawab, aktif berpersatuan dan bermotivasi tinggi. Sewaktu berkhidmat di fakulti, beliau telah menyumbangkan pelbagai sumbangan bakti membantu dalam proses pengiktirafan kursus-kursus yang ditawarkan. Rakan-rakan Nuraida menyifatkan beliau sebagai seorang yang lembut, peramah dan sentiasa ceria.



PENYELIDIK UTeM DAPAT ANUGERAH KHAS KERAJAAN POLAND

9 Februari 2010 - Penyelidik Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) sekali lagi telah membanggakan warga UTeM setelah menerima Anugerah Khas daripada kerajaan Poland sempena Ekspo Teknologi Malaysia 2010 (Malaysian Technology Expo 2010-MTE 2010) yang berlangsung pada 4 hingga 6 Februari yang lalu di PWTC, Kuala Lumpur.

Penyelidik UTeM, Muhammad Herman bin Jamaluddin, Ahmad Zaki bin Hj Shukor, Shafizal bin Hassan dari Fakulti Kejuruteraan Elektrik telah menghasilkan produk bertajuk "Automated Intelligent Storage Security and Alert System". Anugerah ini adalah satu pengiktirafan dari segi teknologi yang dibangunkan melalui penciptaan produk tersebut oleh penyelidik UTeM. Anugerah ini disampaikan oleh wakil Persatuan Pencipta Poland. Produk ini juga telah mendapat pingat emas dalam ekspo ini.

Selain anugerah khas ini, UTeM juga telah memenangi satu pingat emas, tiga pingat perak dan 11 pingat gangsa. Pada MTE 2010 kali ini UTeM telah menghantar sebanyak 18 penyertaan yang menyetengahkan produk-produk penyelidikan oleh para penyelidik berpotensi UTeM.

Pingat perak dimenangi oleh produk bertajuk 'A Smart Hydro Generator For House Applications', 'Improvement On Mechanism Of Motorcycle Rim Adjusting Jig' dan 'Real Time Flood Monitoring Using Wireless Technology'.

Kejayaan para penyelidik UTeM dalam MTE 2010 ini diharap akan menjadi suatu lonjakan kepada kejayaan-kejayaan dalam penyelidikan dan inovasi yang dihasilkan oleh para penyelidik UTeM pada tahun ini. Walaupun usia UTeM masih muda berbanding dengan universiti-universiti tersohor lain namun kejayaan ini membuktikan bahawa UTeM mampu membangun dengan pantas berdiri setanding dengan universiti-universiti yang lebih lama.

